

Dua kali banjir kilat dalam 24 jam

PERAK TENGAH – Penduduk Kampung Simpang 3, Buluh Akar dan Kampung Serapuh cemas seketika apabila kampung mereka dilanda banjir kilat dua kali dalam tempoh 24 jam.

Dalam kejadian malam Khamis lalu, seramai 83 penduduk di Kampung Simpang Tiga Buluh Akar dan 16 keluarga di Kampung Serapuh terpaksa berpindah ke tempat tinggi apabila air naik kira-kira jam 8 malam.

Bagaimanapun, banjir sedalam 1.5 meter itu bagaimanapun surut beberapa jam selepas itu, namun naik semula pada keesokan harinya menyebabkan penduduk menjadi kelim kabut.

Hajar Baharuddin, 51, berkata, ketika kejadian ke-



Keadaan rumah penduduk yang dilanda banjir kilat setiap kali hujan lebat.

dua berlaku dia baru sahaja berehat setelah keletihan membersihkan rumah akibat banjir lumpur yang berlaku pada malam sebelumnya.

Menurutnya, dia tidak menyangka air naik semula dan terpaksa membersihkan rumah sekali lagi.

“Makcik tak mampu membersihkan rumah buat kali kedua, malahan beberapa peralatan rumah didapati rosak akibat kejadian itu.

“Setiap kali hujan lebat, banjir akan melanda kampung ini, sampai bila kami perlu melaluinya? Diharap pihak ber-

kenaan dapat menyelesaikan masalah ini dengan segera,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu, Satimun Sarijan, 45, berkata, rumahnya dinaiki air paras 1.5 meter menyebabkan peti ais dan mesin basuh ditenggelami air lumpur.

Katanya, setiap kali musim hujan, dia sekeluarga akan berjaga-jaga dan bersedia hadapi banjir.

Katanya, keadaan itu menyukarkan mereka sekeluarga yang terpaksa berjaga-jaga setiap masa bimbang kejadian tidak diinginkan berlaku.

Katanya, penduduk mohon pada jabatan dan agensi kerajaan khususnya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) agar cari penyelesaian segera.